**1. “ Serangan ke atas kapal dagang berhampiran kuala Langat”**
**“ Serangan ke atas rumah api di Tanjung Rachado”**

Apakah Kesan daripada peristiwa diatas kepada negeri Selangor?
A. Pembinaan Kubu
B. Peperangan Saudara
C. Penerimaan Residen
D. Pengambilan askar upahan.

2



Ancaman di atas telah menyebabkan Sultan Kedah bertindak:
A. Meminta bantuan Inggeris
B. Menghantar ufti kepada Bugis dan Siam
C. Berpakat dengan Perak menyerang Siam
D. Mengadakan kerjasama dengan Perancis.

3. ***Firma Jourdain Sullivan and de-Souza menghantar wakil untuk berunding dengan Sultan Muhammad Jiwa pada bulan April 1771***

Wakil Firma di atas ialah;
A. Francis Light
B. Stamford Raffles
C. Warren Hastings
D. Kapten Burney

4.



Berdasarkan rajah diatas Y berkemungkinan besar ialah;
A. Pusat Peranginan
B. Pusat Pentadbiran
C. Pangkalan Tentera
D. Pertukaran Budaya.

5. **“ Bendera Union Jack dinaikan”**
Apakah implikasi peristiwa di atas?
A. Pertapakan awal kuasa Eropah di Asia Tenggara
B. Bermulanya penjajahan British di Tanah Melayu
C. Kemenangan Francis Light memutarbelitkan perjanjian 1786
D. Bermulanya penukaran Pulau Pinang kepada Georgetown.

6. British memerlukan Seberang Prai untuk;
A. Memperbesar tanah jajahan
B. Mematahkan monopoli perdagangan Belanda di Tanah Melayu
C. Mengawal perairan dan kawasan Kedah
D. Dijadikan tempat menampung makanan di Pulau Pinang

7. Antara yang berikut, **faktor** yang menyebabkan berlakunya kekacauan di Perak pada tahun 1970-an?
I. Perebutan kawasan cukai
II. Perang antara kongsi gelap
III. Perebutan taktha kerajaan Perak
IV. Peperangan antara Pembesar.
A.I dan II
B II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

8. Apakah **kesan** utama perjanjian Pangkor 1874?
A. Masalah kongsi gelap di lombong Bijih Timah selesai
B. Bermulanya penguasaan British di Tanah Melayu
C. Raja Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak
D. Kedaulatan negeri Perak terus terjamin.

9. **Dalam usaha untuk memajukan perlombongan bijih timah, pembesar Perak telah membawa masuk buruh dari China**

Siapakah antara pembesar yang bertanggungjawab melakukan perkara di atas?
A.Dato Sagor
B. Long Jaafar
C. Tengku Kudin
D. Raja Abdullah

10. **Perkembangan Jalan laut pada kurun ke-19 merancakkan persaingan kuasa-kuasa Barat**

Perkembangan di atas adalah mengenai
I.Penciptaan Kompas
II. Pembinaan Kapal Layar
III. Penciptaan Kapal Wap
IV. Pembinaan Terusan Suez

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

11.

| X |
| --- |
| *Diasaskan oleh Charles Jessel<br>*Dikenali sebagai Api-api Singa Mata dan Diasuka<br>*Pusat Perdagangan dan pelabuhan |

Bandar X ialah;

A. Sandakan
B. Kudat
C. Jesselton
D. Tawau

12. Apakah **faktor utama** yang mendorong British menandatangani Perjanjian Bangkok 1909?
A. Perebutan takhta yang berlaku di negeri-negeri Melayu
B. Kebimbangan campur tangan kuasa lain
C. Permintaan daripada Raja Siam
D. Kekayaan hasil bumi di negeri-negeri yang terlibat.

13.

***Perancis * Jerman**
*** Rusia * Amerika Syarikat**

Bagaimanakah British telah menyekat perluasaan kuasa Eropah di atas di Utara Tanah Melayu?

A. Menandatangani Perjanjian Sulit British-Siam 1897
B. Menandatangani Perjanjian Bangkok 1909
C. Menandatangani Perjanjian Perjanjian Burney 1826
D. Menandatangani Perjanjian Sempadan British-Siam

14. Walaupun mendapat tentangan daripada Sultan Zainal Abidin III, British tetap melantik W.L Conlay pada tahun 1901 di Terengganu sebagai;
A. Residen British
B. Penasihat Britsih
C. Wakil British
D. Residen Jeneral.

15. Apakah kepentingan kawasan**" Kelian Pauh** dan **Kinta"** kepada British?
A.Kaya dengan bijih timah
B. Pasaran luas kepada British
C. Laluan utama kapal dagang
D. Mempunyai banyak emas.

16. Apakah tugas sebenar tokoh-tokoh berikut di Tanah Melayu: **J.P Rodger,Martin Lister, dan J.G.Davidson**
A. Menasihati sultan dalam segala hal
B. Menghapuskan sistem hamba abdi
C. Mengambil alih pungutan cukai
D.Mencampuri agama Islam.

17. Bagaimanakah British Berjaya menggugat kuasa Sultan dan Pembesar di Negeri-negeri Melayu?
A. Meminda sempadan Negeri-negeri Melayu
B. Mewujudkan Sultan dan Pembesar boneka
C. Memecat Sultan dan Pembesar tempatan
D. Melantik Residen.

18.Sejarah membuktikan bahawa keadaan tidak stabil dalam negeri memberi kesempatan kepada British untuk bertapak di Negeri-negeri Melayu.Apakah iktibar daripada pernyataan berikut?
A. Keamanan Negara perlu dijaga
B. British bijak mengatur startegi di Negara kita
C. Langkah British menguasai kita patut dicontohi
D.Sejarah Negara boleh berulang jika British berkuasa.

19. Senarai berikut merupakan tokoh-tokoh yang banyak memberikan sumbangan kepada kerajaan Johor.Apakah iktibar yang dapat dicontohi daripada mereka?

*** Dato' Muhammad Salleh Bin Perang**
*** Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi**

A. Kesabaran dalam tindakan
B. Kesetiaan kepada pemerintah
C. Kebijaksanaan mengelak penjajahan
D. Keberanian dalam menghadapi cabaran.

20.Apakah kejayaan sistem Kangcu yang telah diperkenalkan di negeri Johor?
A. Meningkatkan taraf ekonomi imigran Cina
B. Johor menjadi negeri tumpuan utama kaum Cina
C. Menjadikan Johor sebagai negeri termaju dalam pegairan.
D.Menjadikan Johor negeri terpenting mengeksport lada hitam.

21 Mengapakah negeri-negeri berikut menghentikan Penghantaran Bunga Emas ke Siam selepas tahun 1909?

***Kedah * Perlis**
*** Kelantan**

A.Mendapat kemerdekaan
B. Menjalin hubungan baik dengan Siam
C. Mempunyai pasukan tentera yang Kuat
D. Menjadi negeri naungan British.

22.Pilih kuasa-kuasa besar yang cuba meluaskan kuasa di Asia Tenggara pada abad ke-19?
A. Jerman, Belanda dan Bugis
B. Portugis, Belanda dan British.
C. Rusia,Amerika Syarikat dan Portugis
D. Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat.

23.Apakah peribahasa yang sesuai digunakan terhadap tawaran jawatan yang diberikan oleh Pangeran Raja Muda Hashim kepada James Brooke?
A. Cempedak menjadi nangka

B Tiada rotan akar pun berguna
C. Orang Buta mendapat tongkat
D. Orang mengantuk di sorongkan bantal.

24.Tindakan berikut telah dilakukan oleh James Brooke di Sarawak.

| Membedil Bandar Kucing |
|---|

Apakah alasan Brooke bertindak demikian?
A. Pangeran Raja Muda Hashim menamatkan kekuasaan Brooke
B. Pangeran Raja Muda Hashim tidak melaporkan kejayaan Brooke kepada Sultan Brunei
C. Pangeran Raja Muda Hashim tidak mengiktiraf penguasaan James Brooke di Kucing
D. Pangeran Raja Muda Hashim melengah-lengahkan pelantikan James Brooke

25.Mengapakah Sultan Brunei mengambil alih kuasa politik daripada pembesar tempatan Sarawak pada kurun ke-19?
A. Menamatkan perjanjian dengan Sarawak
B. Menguasai kekayaan Sarawak
C. Mengukuhkan kuasa Brooke
D. Masalah Pemberontakan.

26.**Majlis tertinggi** telah ditubuhkan oleh Brooke di Sarawak, siapakah yang dilantik menganggotai Majlis tersebut?
A. Ketua Kaum Bumiputera
B. Pegawai Anak Negeri
C. Empat Orang Datu
D. Penghulu.

27 Apakah **Faktor utama** perkembangan Bandar berikut di Sarawak pada tahun 1910?

| Miri |
|---|

A.Pelabuhan B. Petroleum
C.Perlombongan D. Pertanian

28.Senarai berikut merupakan tanaman tradisional yang menjadi barangan eksport semasa pentadbiran Brooke di Sarawak?

- **Kelapa**
- **Gambir**
- **Lada Hitam**

Apakah pengajaran daripada peristiawa tersebut?
A. Bersatu padu asas kestabilan Negara
B. Berbangga dengan kekayaan Negara
C. Berdikari untuk memperjuangkan hak
D. Bertoleransi dalam kalangan masyarakat.

29.Apakah persamaan antara kedua-dua perjanjian berikut?

***Perjanjian Pangkor 1874**
***Perjanjian Pangeran Raja Muda Hashim dengan James Brooke 1841**

A. Pelantikan pegawai British dalam pentadbiran negeri
B. Bermulanya penguasaan hasil oleh kuasa asing
C. Penguasaan laluan perdagangan oleh kuasa asing
D. Berakhirnya zaman perlumbaan kuasa asing di Timur.

30. Pernyataan berikut menerangkan tindakan James Brooke di Sarawak;
***" Melibatkan pembesar tempatan dalam pentadbiran Sarawak"***
Apakah muslihat Brooke bertindak demikian?
A. Memperolehi sumber pendapatan sampingan
B. Mendapatkan sokongan penduduk tempatan
C. Mempengaruhi corak pentadbiran di Sarawak
D. Memberi tunjuk ajar kepada pembesar tempatan.

31.Mengapakah kedua-dua pelabur dari Negara berikut begitu berminat ke atas Sabah?

- **Amerika Syarikat**
- **Britain**

A. Kekayaan ekonominya.
B. Kedudukan pelabuhannya
C. Kepelbagaian budaya
D. Keamanan negerinya

32.Apakah tanggungjawab SBUB keatas masyarakat pribumi Sabah?
A. Melantik pegawai tadbir British
B. Menyerahkan Sabah kepada British
C. Mempertahankan adat dan undang-undang Sabah.
D.Mengeksploitasi ekonomi Sabah

33.Apakah Bandar yang mempunyai kemudahan sistem jalanraya semasa pentadbiran SBUB di Sabah?
A. Kudat
B. Weston
C. Keningau
D. Silibukan.

34. 


**Rajah 1**

34. Ilustari rajah 1 menggambarkan peristiwa yang berlaku semasa pentadbiran SBUB di Sabah, Apakah **kesan** terhadap rakyat tempatan Sabah?

A. Rakyat mendapat perhatian SBUB
B. Rakyat tempatan merasa perkhidmatan sosial yang disediakan oleh SBUB
C. Rakyat tempatan terbeban dengan cukai dan terpinggir.
D. Rakyat sentiasa berwaspada dalam tindakan terhadap SBUB.

35.Apakah persamaan antara kedua-dua barangan berikut?

| ***Pokok Kapur**<br>***Pokok Ramin** |
|---|

A. Hasil Pertanian
B. Hasil Pembalakan
C. Hasil Perlombongan
D. Hasil Perikanan.

36. Pernyataan berikut merujuk kepada sistem pendidikan di Sabah. Apakah alasan mereka berbuat demikian?

***" Golongan mubaligh memainkan peranan mendirikan sekolah di Sabah"***

A. Tanggungjawab mubaligh memajukan sistem pendidikan.
B. SBUB hanya membenarkan mubaligh mendirikan sekolah
C. Pendidikan kurang diberikan oleh SBUB
D. Gesaan penduduk tempatan.

37. Siapakah yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah berikut semasa pentadbiran SBUB di Sabah?

| **Masalah yang berkaitan dengan undang-undang adat dan undang-undang Islam** |
|---|

A. Mahkamah Anak Negeri
B. Mahkamah Majistret
C. Mahkamah Tinggi
D. Mahkamah Adat.

38.Rajah II merujuk kepada penubuhan bandar di Sabah, Apakah bandar **X**?

**Bandar X** → **Dikenali juga Elopura**

**Rajah II**

A. Jesselton
B. Sandakan
C. Semporna
D. Kudat.

39.Tanaman tradisional berikut menjadi begitu penting kepada Negara kita sebelum adanya tanaman-tanaman baru, Apakah tujuan tanaman ini ditanam?

- **Tebu**
- **Cengkih**
- **Lada Hitam**

I.Permintaan yang tinggi
II.Kemasukan buruh asing
III. Kurang dihinggapi lalat
IV.Harga yang tinggi di Pasaran.

A.I dan II　　C.II dan III
B.I dan IV　　D. III dan IV

40.Rajah berikut merujuk kepada bagaimana tanaman getah dibawa ke Tanah Melayu.

Brazil → **X** → **Y** → Singapura → Kuala Kangsar

**X** dan **Y** Merujuk kepada
A.Sri Lanka dan Perak
B. Kew Garden dan Sri Lanka
C. Botonical Garden dan Kew Garden
D. Botonical Garden dan Sri Lanka.

41.Berikut merupakan faktor-faktor perkembangan perusahaan getah **KECUALI.**
I. Peningkatan pembuatan Kereta
II. Kejatuhan harga Kopi
III.Buruh Cina dan India yang mencukupi
IV. Tanah yang subur.

A.I dan II　　C.II dan III
B.I dan IV　　D III dan IV.

42.Apakah Tujuan British memperkenalkan enakmen berikut di Tanah Melayu pada tahun 1920
**" Enakmen Pendaftaran Sekolah"**

A.Mengawal perkembangan Sekolah Cina
B. Menyeragamkan sistem pendidikan

C. Menyatukan masyarakat Majmuk
D. Memperbaiki sistem pendaftaran sekolah.

43.Siapakah yang telah memperkenalkan kaedah perlombongan **Lombong Dedah** di Tanah Melayu?

A.Orang Siam C. Orang Melayu
B.Orang Cina D. Orang Eropah.

44.Apakah bandar yang dimaksudkan oleh maklumat berikut

| **Bandar X** |
|---|
| **Berasal dari nama Kelian Pauh** |

A. Ipoh C. Larut
B. Kinta D. Taiping.

45.Apakah persamaan antara ketiga-tiga syarikat berikut?

*** Guthrie**
*** Sime Darby**
*** Harrisons & Crossfields**

A.Perusahaan kecil getah
B. Pengimportan barangan getah
C. Penguasaan perladangan getah
D. Perusahaan cari gali petroleum

46.Sebelum British memodenkan sistem pengairan di Negara kita, penduduk di Negara kita telah pun mempunyai sistem pengairan yang sempurna, apakah buktinya?

A. Empangan Chenderoh
B. Terusan Wan Mat Saman
C. Empangan Pengairan Kemubu
D. Terusan Hidroelektrik Pulau Pinang.

47. Apakah faktor utama yang mempengaruhi kemunculan kedua-dua bandar berikut?

- **Kuala Lumpur**
- **Seremban**

A.Kegiatan Pertanian
B. Kegiatan Perlombongan
C. Kemajuan Perhubungan
D. Kedatangan Imigran

48.Rajah 4 Menunjukkan perkembangan landasan kereta api di Tanah Melayu.

**Fasa Pertama** → **Taiping ke Port Weld**
**Fasa Pertama** → **Seremban ke Port Dickson**

Pembinaan landasan kereta api fasa pertama berkait rapat dengan

A. Perkhidmatan penumpang
B. Perkhidmatan Buruh
C. Perlombongan
D. Perladangan

49.Pejanjian Peraturan Getah Antarabangsa telah ditandatangani pada tahun 1934 negara apakah yang menyertai perjanjian tersebut?
I. Sabah
II India
III Brunei
IV Indochina
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

50.Perkembangan Pertanian dagangan membuktikan negara kita berpotensi dalam pertanian, mengapakah penduduk tempatan tidak terlibat dalam kegiatan tersebut?

A.British hanya memberi kemudahan kepada buruh asing
B. Penduduk tempatan tidak mahir dalam pertanian tradisional
C. British hanya membenarkan pengusaha Eropah mengusahakannya
D. Penduduk tempatan tidak berminat mengusahakannya.

51. Hasil X merupakan hasil hutan yang terdapat di negara kita, hasil hutan X juga boleh dijadikan Varnis.Apakah hasil X?

A.Rotan C. Getah Percah
B. Damar D. Getah Jelutung.

52.Maklumat berikut merujuk kepada tindakan yang telah dilakukan oleh British ke atas Naning.

| **Tahun 1832** |
|---|
| Kolonel Herbert mengetuai pasukan tentera menyerang Naning |

Apakah faktor utama kejayaan British dalam peperangan tersebut?
A Bantuan askar Belanda
B Pakatan dengan Rembau
C Dol Said telah tua dan uzur
D British menggunakan taktik perang Gerila

53.Apakah kesan penentangan Dol Said terhadap British pada tahun 1832?
A.British mengalami kerugian Besar
B Kemerosotan kutipan cukai pertanian
C British terpaksa akur kepada kekuatan Dol Said
D Penutupan kawasan perlombongan Bijih Timah.

54.Pada Ogos 1895 Mat Salleh dan beberapa orang pembesar tempatan telah pergi ke Sandakan, Apakah tujuan mereka ke sana?
A. Mengembalikan semula kekuasaanya
B. Mengelak ancaman perang Jihad
C.Menuntut pelepasan cukai kelamin
D.Mengadakan perbincangan masalah cukai.

55.Bagaimanakah perkembangan politik di Mesir boleh tersebar ke negara kita pada awal abad ke-20?
A Pengaruh Media Massa
B.Penjajah Barat yang sama
C.Pengaruh angkatan tentera Mesir
D.Pelajar yang menuntut di Timur Tengah.

56. Pada pendapat anda, mengapakah tokoh-tokoh berikut sanggup berkorban dalam menghadapi penjajah British?

| |
|---|
| ***Tok Janggut** |
| ***Dato' Bahaman** |
| ***Mat Salleh** |

A.Untuk memenuhi tuntutan masyarakat membebaskan diri dari penjajah
B. Untuk mendapat anugerah dan penghormatan negara
C. Untuk mendapat penghargaan generasi akan datang
D. Untuk menebus maruah negara.

57.Apakah yang dimaksudkan dengan semangat **Nasionalisme?**
A.Perasaan untuk menebus maruah bangsa
B.Perasaan cintakan kekayaan negara
C.Perasaan hormat pada lambing negara
D.Perasaan menegakan kemegahan negara.

58. Sajak berikut menggambarkan semangat Tok Janggut yang membara dan enggan menyerah kalah.

***"Tujuh lapis langit terpikul di bahu***
***Tujuh lapis bumi tercengkam di kaki***
***Aku Pulang dari tanah Makkah yang putih dan Suci***
***Ingin kulihat TANAH AIRKU tanpa penjajah..........."***

Apakah peribahasa yang sesuai dengan sikap perjuangan Tok Janggut?
A.Biar mati anak jangan mati adat
B. Biar putih tulang jangan putih mata
C. Genggam bara api, biar sampai jadi arang
D. Biar pecah diperut,jangan pecah di mulut.

59.Pada pendapat anda, mengapakah SBUB kurang memberikan tumpuan untuk memajukan bidang pendidikan di Sabah?
A. Kekurangan tenaga pengajar
B. Merugikan pentadbiran syarikat
C. Kekurangan bilangan pelajar
D. Masyarakat tidak berminat.

60.Berikut merupakan kesedaran dalam kalangan intelektual di Tanah Melayu.

| **Institusi X** |
|---|
| Berjaya melahirkan tokoh-tokoh intelektual seperti Harun Aminurrashid dan Ahmad Boestman |

Apakah Institusi **X**
A. Maktab Melayu Gelugur,Pulau Pinang
B. Maktab perguruan Sultan Idris,Perak
C. Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak
D. Maktab Lincoln Inn London.

**SELAMAT MENJAWAP**

Disediakan oleh,

________________________
( LORELYNE JECEKA D)
Guru Sejarah Tingkatan 2

Disahkan oleh,

____________________________
( DAYANG RAZIAH RAJUM)
Ketua Panitia Sejarah.